

Faks : 237605

Tel :

088 252692

Bil :

KEW(S)100-10/97 Klt. 4

Tarikh :

28 Mac 2008



KEMENTERIAN KEWANGAN

Wisma Kewangan

88593 Kota Kinabalu

Sabah, Malaysia

Semua Setiausaha Tetap  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah/Pejabat Daerah Kecil

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI  
SABAH BIL 2/2008 – LANGKAH UNTUK MENGATASI MASALAH  
HUTANG BERAT DI KALANGAN ANGGOTA PERKHIDMATAN  
AWAM**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan berikutan dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memastikan agar tidak ada Anggota Perkhidmatan Awam di bawah jagaan masing-masing yang terlibat dengan masalah hutang berat. Sekiranya ada anggota yang memerlukan pinjaman untuk sesuatu tujuan, potongan gaji untuk bayaran balik pinjaman tersebut hendaklah tidak melebihi 50% daripada gaji kasar mereka. Ini bererti baki gaji kasar mereka hendaklah samada 50% atau lebih. Ini adalah bagi memastikan anggota perkhidmatan awam tidak terlibat dengan masalah hutang berat yang boleh menjejaskan prestasi perkhidmatan (produktiviti) akibat gangguan daripada masalah bayaran balik pinjaman. Mereka juga hendaklah ditegah dari mendapatkan pinjaman daripada badan kewangan atau individu yang tidak berdaftar (haram) dengan kerajaan.
3. Sila juga pastikan sebelum Datuk/Tuan/Puan memperakukan sebarang pinjaman daripada mana-mana pihak Pemberipinjaman seperti Perbadanan Pinjaman Sabah sebagai panduan peraturan seperti dalam mekanisma di lampiran (1) dipatuhi. Oleh yang demikian perhatian serta kerjasama Datuk/Tuan/Puan untuk memastikan tujuan dasar keutuhan pengurusan ini tercapai amatlah dihargai.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini.

Sekian dan terima kasih.

**“JIMAT DAN PRODUKTIF”**



**(Yusoff Bin Datuk Hj. Mohd Kassim, PGDK)**  
Setiausaha Tetap

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Jabatan Ketua Menteri  
Tingkat 6, Wisma Innoprise  
**88817 KOTA KINABALU**

**CONTOH: PENGIRAAN GAJI BAGI 50% GAJI BERSIH**

---

**A. Penggajian Kasar**

i.	Gaji Pokok	:	RM xxxxxx
ii.	Elaun Wilayah	:	RM xxxxxx
iii.	Elaun ITKA	:	RM xxxxxx
iv.	Elaun ITP Rumah	:	RM xxxxxx
	Jumlah	:	RM X

**B. Potongan Penggajian**

i.	Pinjaman Rumah, Komputer, Kenderaan dan lain-lain	:	RM yyyyyy
	Jumlah	:	RM Y

**C. Gaji Bersih**

Jumlah A - Jumlah B = Gaji Bersih

RM X - RM Y = RM Z

**D. Pengiraan 50% atau ke atas baki gaji.**

$$\frac{\text{RM Z (Gaji Bersih)}}{\text{RM Y (Gaji Kasar)}} \geq 50\%$$